


<b>SULIT</b> CONFIDENTIAL	 <b>OPEN UNIVERSITY</b> UNIVERSITI TERBUKA MALAYSIA	
<b>PEPERIKSAAN AKHIR</b> <i>FINAL EXAMINATION</i>  <b>SEMESTER JANUARI 2005</b> <i>JANUARY SEMESTER 2005</i>		
<b>KOD KURSUS</b>	:	<b>CBCT2203</b>
<b>NAMA KURSUS</b>	:	<b>KONSEP ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>
<b>MASA</b>	:	<b>2.30 PETANG – 4.40 PETANG</b>
<b>TARIKH</b>	:	<b>16HB APRIL 2005</b>
<b>ARAHAN KEPADA CALON</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sila baca dengan <b>TELITI</b> arahan dibawah ini.</li> <li>2. Kertas soalan ini terdiri daripada <b>SATU</b> versi bahasa, iaitu <b>BAHASA MALAYSIA</b>. Sila jawab menggunakan <b>SATU BAHASA</b> sahaja sama ada <b>BAHASA MALAYSIA</b> atau <b>BAHASA INGERIS</b>.</li> <li>3. Kertas soalan ini dicetak di kedua-dua belah muka surat. Sila pastikan anda mendapat <b>10 MUKA SURAT</b>.</li> <li>4. Kertas soalan ini dibahagikan kepada <b>2 BAHAGIAN</b>, iaitu bahagian <b>A</b> dan <b>B</b>.</li> <li>5. Sila jawab <b>SEMUA</b> soalan dalam Bahagian <b>A</b> dan <b>TIGA (3)</b> soalan dalam Bahagian <b>B</b>.</li> <li>6. Sila tulis jawapan bagi Bahagian <b>A</b> pada borang <b>OMR</b> dan jawapan bagi Bahagian <b>B</b> pada buku jawapan yang disediakan.</li> </ol>		
<b>JUMLAH KESELURUHAN MUKA SURAT ADALAH SEBANYAK 10 TIDAK TERMASUK MUKA SURAT INI.</b>		

## BAHAGIAN A

**ARAHAN:** Jawab **SEMUA** soalan.

**Soalan aneka pilihan.**

1. Berikut adalah beberapa contoh akta undang-undang siber **KECUALI** \_\_\_\_\_.
  - A. Akta Tandatangan Digital
  - B. Akta Jenayah Komputer
  - C. Akta Hakcipta
  - D. Akta Komunikasi
  
2. \_\_\_\_\_ lazimnya digunakan untuk kerangka utama dan pelayan berkeupayaan tinggi.
  - A. American Standard Code for Information Interchange (ASCII)
  - B. Unikod
  - C. Extended Binary Coded Decimal Interchange Code (EBCDIC)
  - D. Multikod
  
3. \_\_\_\_\_ adalah jenis ingatan meruap yang paling lazim.
  - A. ROM
  - B. Ingatan kilat
  - C. CMOS
  - D. RAM
  
4. Manakah di antara berikut adalah urutan yang betul bagi kapasiti storan.
  - A. bytes - megabytes - kilobytes – gigabytes
  - B. bytes - kilobytes - megabytes – gigabytes
  - C. kilobytes - bytes - gigabytes – megabytes
  - D. gigabytes - megabytes - kilobytes - bytes

5. Program adalah \_\_\_\_\_.
- A. satu koleksi teks, nombor, imej, audio dan video yang tidak diproses.
  - B. satu siri arahan yang mengarah komputer apakah yang perlu dibuat dan bagaimana ia dilakukan.
  - C. arahan yang dikeluarkan dengan menghantar maklumbalas kepada soalan yang dipaparkan.
  - D. arahan yang boleh menyebabkan sesuatu aktiviti dilakukan.
6. PDA biasanya dibekalkan dengan \_\_\_\_\_, iaitu peranti input utama.
- A. papan kekunci
  - B. bebola jejak
  - C. stilus
  - D. skrin sentuh
7. Teknologi pengecaman yang selalunya digunakan di bank untuk membaca nombor-nombor yang dicetak di bahagian bawah cek ialah:
- A. MICR
  - B. OCR
  - C. OMR
  - D. GRE
8. Pencetak disambungkan melalui kabel ke port jenis \_\_\_\_\_.
- A. port sesiri atau IrDA
  - B. port selari atau USB
  - C. wayar api atau MIDI
  - D. SCSI atau Bluetooth
9. \_\_\_\_\_ adalah komputer yang disambungkan secara terus dengan sesuatu rangkaian.
- A. pelanggan
  - B. tetamu
  - C. pelayan
  - D. hos

10. Istilah ISP merujuk kepada:
- A. Internal Software Protocol
  - B. International Shareware Pool
  - C. Internet Service Provider
  - D. Interfacer Standard Protocol
11. Berkenaan dengan storan medium, terminologi \_\_\_\_\_ adalah bermaksud pengguna dapat menanggalkan medium dalam satu komputer dan membawanya ke komputer lain.
- A. meruap
  - B. tetap
  - C. tidak meruap
  - D. mudah alih
12. Komputer peribadi pada masa kini mempunyai kapasiti storan daripada 40 ke 250 \_\_\_\_\_ dan lebih.
- A. KB
  - B. GB
  - C. MB
  - D. PB
13. Program pelbagai platform (*multiplatform*) adalah program yang dilarikan \_\_\_\_\_ .
- A. hanya pada satu sistem pengendalian
  - B. berbeza pada setiap sistem pengendalian.
  - C. sama pada pelbagai sistem pengendalian.
  - D. berbeza pada satu sistem pengendalian.
14. Contoh sistem pengendalian tunggal adalah berikut **KECUALI**\_\_\_\_\_.
- A. DOS dan Windows XP
  - B. NetWare dan Solaris
  - C. Mac OS X
  - D. UNIX and Linux

15. \_\_\_\_\_ adalah rangkaian yang menyambungkan komputer-komputer dan peranti-peranti dalam satu kawasan geografik yang terhad seperti rumah, makmal komputer sekolah atau bangunan pejabat.
- A. rangkaian kawasan setempat (LAN)
  - B. rangkaian kawasan metropolitan (MAN)
  - C. rangkaian kawasan luas (WAN)
  - D. rangkaian kawasan berubah (VAN)
16. Perkataan modem, adalah hasil daripada kombinasi perkataan modulasi untuk menukarkan daripada isyarat analog kepada isyarat digital dan perkataan demodulasi untuk menukarkan daripada isyarat digital kepada isyarat analog.
- A. Benar
  - B. Palsu
17. Intranet adalah satu bahagian kecil Internet yang wujud dalam sesebuah organisasi.
- A. Benar
  - B. Palsu
18. Semasa kitar hayat pembangunan sistem, ahli kumpulan projek menghasilkan dokumentasi yang sedikit.
- A. Benar
  - B. Palsu
19. Bahasa skrip yang popular adalah Java skrip, VB skrip dan PERL.
- A. Benar
  - B. Palsu
20. Cetak rompak perisian adalah bentuk pencurian perisian yang paling jarang berlaku.
- A. Benar
  - B. Palsu

## BAHAGIAN B

**ARAHAN:** Jawab **TIGA (3)** soalan sahaja.

### SOALAN 1

a) Nyatakan **EMPAT (4)** manfaat teknologi maklumat.

**[4 markah]**

b) Mikropemproses bagi suatu komputer hanya melakukan kerja pemrosesan data dan ia tidak memerlukan sebarang mekanisma untuk menyimpan data.

i. Adakah anda bersetuju atau tidak bersetuju dengan pernyataan di atas?

**[1 markah]**

ii. Berikan justifikasi anda.

**[3 markah]**

c)

i. Huraikan secara ringkas perhubungan di antara resolusi dan piksel.

**[3 markah]**

ii. Kira jumlah piksel untuk skrin piawaian *SVGA dan XGA*.

**[3 markah]**

d)

i. Takrifkan teknik pemampatan *lossless*.

[2 markah]

ii. Nyatakan **DUA (2)** kelemahan teknik pemampatan *lossy*.

[2 markah]

e) Terangkan perbezaan di antara *Type III* dan *Type IV* slot PCMCIA.

[2 markah]

[Jumlah : 20 markah]

## SOALAN 2

a) Berikan nama penuh bagi singkatan istilah Bahasa Inggeris di bawah:

- i. FQDN
- ii. SMTP
- iii. RTFM

[ 3 markah]

b) Jelaskan kelebihan cara berkomunikasi melalui:-

- i. E-mel
- ii. USENET

[6 markah]

c) Bincangkan **DUA (2)** kaedah utama dalam mencari maklumat di Internet. Berikan **SATU (1)** contoh bagi setiap kaedah tersebut.

[6 markah]

d) Mengapa bahasa XML penting? Kenapa kita tidak menggunakan dokumen dalam bentuk MS-WORDS untuk bertukar maklumat di Internet?

[5 markah]

[ Jumlah: 20 markah]



### SOALAN 3

a) Apakah kebaikan memiliki pangkalan data ?

[3 markah]

b) Terangkan perbezaan di antara pangkalan data terpusat dan pangkalan data teragih.

[4 markah]

c) Nyatakan **LIMA (5)** objektif sistem pengurusan pangkalan data.

[5 markah]

d)

i. Berikan **EMPAT (4)** fungsi utama sistem pengendalian.

[4 markah]

ii. Senaraikan **DUA (2)** ciri sistem pengendalian.

[2 markah]

iii. Nyatakan **DUA (2)** contoh perisian sistem pengendalian.

[2 markah]

[Jumlah : 20 markah]

#### SOALAN 4

a) Berikan penerangan ringkas berkenaan Model Rujukan OSI (*Open System Interconnect*) dan terangkan kesemua **TUJUH (7)** lapisan model tersebut.

[10 markah]

b) Jelaskan perbezaan di antara penghantaran segerak dan penghantaran tak segerak.

[6 markah]

c) Berikan penerangan ringkas bagi peranti-peranti berikut:-

- i. Titi (*bridge*)
- ii. Get Laluan (*gateway*)
- iii. Pengulang (*repeater*)
- iv. Codec

[4 markah]

[Jumlah : 20 markah]

**SOALAN 5**

Dalam rajah peringkat kumpulan pengurusan, terdapat tiga peringkat pengurusan iaitu strategik, taktikal dan operasi. Fungsi-fungsi untuk setiap peringkat telah dikenalpasti dan mempunyai struktur yang teratur dan fungsi-fungsi tersebut dilaksanakan berasingan oleh beberapa orang yang penting yang diberi tanggungjawab untuk setiap peringkat berdasarkan peranan perniagaan mereka. Untuk memastikan mereka melaksanakan tanggungjawab mereka, peranan sistem maklumat tidak boleh dinafikan. Jawab yang berikut:

- a) Kenalpasti **EMPAT (4)** jenis sistem maklumat dan padankan ia kepada rajah peringkat kumpulan pengurusan.

**[8 markah]**

- b) Empat jenis sistem maklumat yang anda terangkan dalam soalan 5a) akan menentukan keupayaan syarikat untuk meneruskan operasi mereka untuk jangka masa panjang. Pada pendapat anda, apakah yang akan berlaku kepada sistem maklumat yang digunakan untuk Kumpulan Pengurusan Atasan jika sistem maklumat di peringkat bawah gagal berfungsi?

**[3 markah]**

- c) Berikan **LIMA (5)** faktor yang boleh menyebabkan pembangunan sistem gagal.

**[5 markah]**

- d) Nyatakan kepentingan komponen rangkaian komunikasi dalam sistem maklumat.

**[2 markah]**

- e) Terangkan model alternatif SDLC.

**[2 markah]**

**[Jumlah : 20 markah]**

**KERTAS SOALAN TAMAT DI SINI**